

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH JAWAPAN :

SOALAN

Tuan R. Sivarasa minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kemajuan untuk tempoh 5 tahun kebelakangan ini dan akan datang dalam rancangan negara untuk mempertingkatkan pengeluaran tenaga solar, untuk membina loji penjana tenaga solar serta lokasi-lokasi yang berpotensi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah meluluskan Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu (TBB) Nasional pada bulan April 2010 dengan memperkenalkan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) untuk membangunkan TBB. FiT telah dilaksanakan mulai 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta TBB 2011 oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari atau *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA Malaysia), dengan izin.

2. Pelaksanaan mekanisme FiT telah berupaya meningkatkan kapasiti TBB sebanyak 383.39MW dalam tempoh 2012 sehingga Ogos 2016 berbanding dengan 68.45 MW yang dihasilkan dalam tempoh 2001-2011. Daripada kesemua projek TBB di bawah FiT, projek solar PV menyumbang sebanyak 264.32MW atau 68.94% dengan jumlah projek yang diluluskan berjumlah 6,837.

3. Bagi meningkatkan penjanaan elektrik daripada tenaga solar, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif *Net-Energy Metering* (NEM) dan

Large Scale Solar (LSS). Inisiatif ini dijangkakan akan meningkatkan sumbangan solar PV dalam penjaan elektrik sebanyak 500MW bagi NEM dan 1,000MW bagi LSS menjelang tahun 2020. Selain itu, kapasiti sebanyak 250MW juga akan ditambahkan melalui projek LSS *fast-track* yang sedang dilaksanakan.

4. Penentuan lokasi-lokasi yang sesuai untuk melaksanakan projek-projek solar berskala besar disenaraikan dalam garis panduan LSS dan NEM yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga berdasarkan spesifikasi teknikal dan lokasi pencawang yang sesuai yang dikenal pasti oleh pihak utiliti iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' ABDULLAH SANI
BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]**

SOALAN :

**YB Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah pekerja kontrak
yang kurang 15 tahun kepada 3 tahun untuk diserapkan kepada pekerja
tetap.**

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, bilangan pegawai kontrak dalam Perkhidmatan Awam adalah seramai 41,900 orang.

Berdasarkan kepada keputusan Kerajaan melalui Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015, telah memutuskan bahawa pegawai lantikan secara kontrak perkhidmatan (Contract of Service) yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun boleh dilantik secara tetap mulai 1 Julai 2016 tertakluk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk mengurangkan tempoh 15 tahun kepada 3 tahun untuk diserap tetap.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' ABDULLAH SANI
BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]**

SOALAN :

**YB Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk
meminta pekerja Orang Kurang Upaya (OKU) yang bekerja kontrak
dijadikan pekerja tetap.**

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Jun 2016, pengisian OKU dalam Perkhidmatan Awam adalah seramai 3,446 orang berbanding sehingga Disember 2013 seramai 2,684 orang. Daripada jumlah ini, seramai 85 orang adalah berstatus kontrak. Bagi tujuan lantikan ke jawatan tetap, pegawai berkenaan hendaklah memohon dengan Suruhanjaya Perkhidmatan atau Pihak Berkuasa Melantik yang mengiklankan pengisian ke jawatan tetap.

Sekian. Terima kasih.